

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(II)3**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN JAWI  
YB. H'NG MOOI LYE**

3. Sila nyatakan kilang haram di Seberang Perai diikuti dengan:
- (a) Bilangan kilang tanpa kelulusan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di daerah Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT) & Seberang Perai Selatan (SPS).
  - (b) Sejak tahun 2017 berapa unit kilang telah berjaya menjalankan pemutihan?
  - (c) Sila senaraikan nama kilang yang telah berdaftar di setiap Daerah di bawah program pemutihan MPSP.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

3. (a) Sehingga Jun 2018, pihak Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mendapati bilangan kilang yang dibina tanpa kebenaran di kawasan Seberang Perai adalah sebanyak 385 buah. Berikut adalah bilangan kilang yang dibina tanpa kebenaran mengikut daerah:-

Bil.	Daerah	Jumlah
1	Seberang Perai Utara	143
2	Seberang Perai Tengah	145
3	Seberang Perai Selatan	97
Jumlah		385

Kilang-kilang ini diberikan peluang untuk menjalani tempoh pemutihan di bawah Program Pemutihan Kilang sehingga 2 Januari 2019. Tindakan penguatkuasaan hanya akan diambil sekiranya pemilik kilang masih lagi gagal memohon kebenaran atau mendapatkan kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan kawasan Seberang Perai iaitu MPSP selepas 2 Januari 2019.

Tidak ada sebarang program pemutihan kilang yang dilakukan pada tahun 2017. Program Pemutihan Kilang oleh MPSP hanya bermula pada 3 Januari 2018 dan akan tamat pada 2 Januari 2019. Setakat ini, tiada kilang haram yang berjaya melalui program pemutihan oleh MPSP.

- (c) Senarai nama kilang yang telah berdaftar mengikut daerah di bawah Program Pemutihan Kilang oleh MPSP adalah seperti di Lampiran A.